



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 25 OKTOBER 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	HARGA PRODUK AYAM TIDAK NAIK KETARA, BISNES, BH-18 TUNJUK TREND STABIL, BISNES, HM-26	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	LETUPAN KECIL DI MENARA LPP, MAHKAMAH & JENAYAH, SH-14	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4. 5. 6. 7. 8.	TEKNIK TANAM PADI PERLU DIPELBAGAIKAN, GAYA, UM-26 PENYELAM TIRAM KIAN LENYAP, LOKAL, HM-18-19 KUBELA PUAS BIAK BETTA LIAR, KUBELA, HM-33 SIMPAN 12 SPESIES, KUBELA, HM-34 EMPAT KAWASAN INDUSTRI BAHARU PACU EKONOMI PERAK, NASIONAL, BH-34	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2023	BERITA HARIAN	BISNES	18

'Harga produk ayam tidak naik ketara'

Pelarasan ASP selepas apungan dapat imbangi kesan pemansuhan subsidi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Harga produk berkaitan ayam dijangka tidak akan meningkat secara ketara dengan langkah pemansuhan harga kawalan sementara bagi ayam dan telur yang diumumkan dalam Belanjawan 2024, demikian kata penganalisis.

RHB Research dalam nota penyelidikannya berkata, pihaknya percaya pengumuman langkah itu oleh kerajaan dilihat neutral untuk industri ternakan ayam itik.

Ia berkata, pihaknya menjangkakan pelarasan purata harga jualan (ASP) selepas pengapungan

harga akan mengimbangi kesan pemansuhan subsidi.

"Bagaimanapun, kami tidak menjangkakan harga produk ayam meningkat dengan ketara apabila harga di-apungkan, dengan mengambil kira keadaan harga komoditi dan dinamik bekalan-permintaan industri yang lebih stabil.

"Oleh itu, kami percaya permintaan akan kekal berdaya tahan, memandangkan produk ayam adalah sumber protein yang paling murah," katanya.

Kawal harga naik mendadak

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2024 berkata, sejak Februari 2022, kerajaan menanggung RM3.8 bilion untuk subsidi telur dan ayam.

Beliau berkata, tujuan asal subsidi sementara itu adalah

untuk mengawal harga ayam dan telur yang meningkat mendadak serta menangani kekurangan bekalan.

"Alhamdulillah, trend semasa menunjukkan bekalan ayam dan telur telah mula stabil dan harga pasaran semasa kini berada di bawah harga siling kawalan.

"Maka dengan itu, kawalan harga sementara yang ditetapkan akan dilepaskan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi semula dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan ayam dan telur

di pasaran," katanya. Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin dilaporkan berkata, memandangkan trend semasa menunjukkan bekalan ayam dan telur telah stabil dan harga pasaran semasa kini lebih rendah, kawalan harga siling sebenarnya tidak lagi relevan.



Chan Foong Hin

Headline TUNJUK TREND STABIL
MediaTitle Harian Metro
Date 25 Oct 2023
Section Bisnes
Page No 26
Language Malay
Journalist Mahanum Abdul Aziz maha
Frequency Daily

Color Full Color
Circulation 112,705
Readership 338,115
ArticleSize 484 cm²
AdValue RM 18,994
PR Value RM 56,982



PENGELUARAN telur dan ayam di Malaysia sudah lama mencapai tahap SSL namun menghadapi sedikit gangguan rantaian bekalan pada penghujung tahun lalu.

LANGKAH PEMANSUHAN HARGA KAWALAN SEMENTARA BAGI AYAM, TELUR

TUNJUK TREND STABIL

Oleh Mahanum
Abdul Aziz
maha-
num_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur

Harga produk berkaitan ayam dijangka tidak meningkat secara ketara dengan langkah pemansuhan harga kawalan sementara bagi ayam dan telur yang diumumkan dalam Belanjaan 2024, demikian kata penganalisis.

RHB Research dalam nota penyelidikannya berkata, pihaknya percaya pengumuman langkah itu oleh kerajaan dilihat neutral untuk industri ter-

nakan ayam itik.

Ia berkata, pihaknya menjangkakan pelarasan purata harga jualan (ASP) selepas pengapungan harga akan mengimbangi kesan pemansuhan subsidi.

"Bagaimanapun, kami tidak menjangkakan harga produk ayam akan meningkat dengan ketara apabila harga diapungkan, dengan mengambil kira keredaan harga komoditi dan dinamik bekalan-permintaan industri yang lebih stabil.

"Oleh itu, kami percaya permintaan akan kekal berdaya tahan, memandangkan produk ayam adalah sumber protein yang paling murah," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjaan 2024 berkata, sejak Februari 2022, kerajaan menanggung RM3.8 bilion untuk subsidi telur dan ayam.

Beliau berkata, tujuan asal subsidi sementara itu adalah untuk mengawal harga ayam dan telur yang meningkat mendadak serta menangani kekurangan bekalan.

"Alhamdulillah, trend semasa menunjukkan bekalan ayam dan telur telah

mula stabil dan harga pasaran semasa kini berada di bawah harga siling kawalan.

"Maka dengan itu, kawalan harga sementara yang ditetapkan akan dilepaskan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi semula dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan ayam dan telur di pasaran," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin dilapor-

kan berkata, memandangkan trend semasa menunjukkan bekalan ayam dan telur telah kembali stabil dan harga pasaran semasa kini adalah lebih rendah, kawalan harga siling sebenarnya tidak lagi relevan.

"Perlu tahu, pengeluaran telur dan ayam di Malaysia sebenarnya telah lama mencapai tahap sara diri (SSL) namun menghadapi sedikit gangguan rantaian bekalan pada penghujung tahun lalu.

"Menerusi beberapa langkah intervensi kerajaan, sektor penternakan ayam daging dan ayam telur telah kian kembali normal," katanya.

“
Trend semasa menunjukkan bekalan ayam dan telur telah mula stabil
Anwar

25/10/2023

SINAR
HARIANMAHKAMAH &
JENAYAH

14

Letupan kecil di Menara LPP

Menteri turut berada dalam bangunan ketika kejadian itu berlaku

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF
MOHD ZOKI
KUALA LUMPUR

Kebakaran kabel bawah tanah dipercayai menjadi punca suasana di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Jalan Sultan Salahuddin dekat sini turut dikejutkan dengan bunyi letupan dalam kejadian pada Selasa.

Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan II Rusdi Ismail berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian pada jam 2 petang.

"Tujuh anggota bersama sebuah jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Sentul dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Anggota bomba yang tiba di lokasi pada jam 2.09 petang kemudiannya menerima makluman awam berkaitan letupan kecil di dalam bilik elektrik di salah satu tingkat di bangunan berkenaan," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Jelas beliau, hasil pemeriksaan anggota bomba bersama juruelektrik bangunan mendapati letupan berpunca daripada kebakaran kabel di bawah tanah.

"Kebakaran bagaimanapun tidak melibatkan struktur bangunan dan juga mangsa di lokasi kejadian," jelasnya.

Pada Selasa, suasana di Menara LPP Jalan Sultan Salahuddin digemparkan dengan bunyi letupan dipercayai berlaku di tingkat lima bangunan tersebut.

Kakitangan LPP kemudiannya mengambil langkah keselamatan awal dengan keluar dari bangunan berkenaan.

Turut berada dalam bangunan itu ketika kejadian ialah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.


Beliau sepatutnya menyertai sesi libat urus bersama media yang dijadualkan berlangsung jam 2.30 petang dan lokasi pertemuan itu dipindahkan ke bangunan lain.



Mohamad kelihatan di luar Menara LPP bersama dengan kakitangan Kementerian dan LPP.



Anggota bomba menjalankan pemeriksaan di bilik elektrik di Menara LPP Jalan Sultan Salahuddin pada Selasa.



Teknik tanam padi perlu dipelbagaikan

Oleh DALJIT SINGH KARAM
gayautusan@mediania.com.my

BELANJAWAN 2024 menyaksikan peningkatan Skim Subsidi Harga Padi daripada RM360 kepada RM500 per metrik tan.

Sebanyak RM2.6 bilion dikhaskan untuk golongan pesawah dan nelayan sekaligus membuktikan kesungguhan kerajaan perpaduan untuk menangani isu kemiskinan tegar.

Harga lantai belian padi juga dinaikkan kepada RM1,300 per metrik tan berbanding RM1,200 per metrik tan sebelum ini demi membantu pendapatan pesawah.

Namun pemberian subsidi dan bantuan tidak akan cukup untuk memastikan bekalan padi negara kita mencukupi untuk menampung permintaan dalam negara.

Kita dibelenggu kenaikan harga beras import dan kekurangan bekalan beras tempatan.

Daripada segi aplikasi sains dan teknologi dalam pertanian, negara kita tidak jauh bezanya daripada negara-negara lain, terutamanya negara jiran.

Bagaimana pun, daripada segi gunatani pertanian, adakah kita menggunakan kawasan tanah subur untuk pertanian itu secara optimum?

INDONESIA

Indonesia merupakan negara pengeluar padi ketiga terbesar di dunia.



THAILAND merancang membesarkan lagi kawasan penanaman padi yang kini berkeluasan 23 juta ekar.

Penanaman padi terbesar di Indonesia adalah di Kota Mataram, Nusa Tenggara Barat, Indonesia.

Mataram yang dahulunya antara kontinental kurang maju, kini menjadi peruk nasi utama bagi Indonesia.

Kawasan dengan taburan hujan rendah dibangunkan dengan pembentukan kolam air atau 'embung' yang dapat menampung air.

Ia menyalurkan air dari

kawasan tinggi ke kawasan rendah, disebabkan itulah kawasan padi di bukit dibuat secara teres dan biji benih padi ditabur secara teres sebelum musim hujan, dengan minima 60 milimeter (mm) persegi.

THAILAND

Malaysia menikmati bekalan beras jasin yang diimport daripada Thailand, negara yang mempunyai

kawasan penanaman padi kelima terbesar di dunia dan juga merupakan pengimport beras kedua terbesar di dunia.

Thailand turut mempunyai perancangan membesarkan lagi kawasan penanaman padi yang kini berkeluasan 23 juta ekar dan ini menunjukkan hampir separuh kawasan pertanian di Thailand adalah dikhaskan untuk penanaman padi.

Ia berdasarkan sumber maklumat diperolehi daripada Kementerian Pertanian dan Koperasi, Thailand. Mending Raja Bhumbol Adulyadej (1927-2016) amat menitikberatkan kebijakan rakyat Thailand untuk mendapat bekalan makanan yang mencukupi.

Kekayaan daripada segi pertanian menunjukkan negara tersebut peka akan keperluan rakyatnya.

INDIA

Sumber beras basmati yang dijual di negara kita adalah diimport daripada India dan India merupakan pengeluar beras kedua terbesar di dunia.

Beras basmati merupakan beras utama dieksport ke seluruh dunia di mana 4.4 juta tan metrik beras basmati bernilai USD4.7 bilion pada tahun kewangan 2018-2019.

Terdapat pelbagai teknik penanaman padi yang digunakan di India, tetapi kaedah penanaman tradisional masih menjadi pilihan utama.

Kawasan utama penanaman padi di India adalah di Bengal Barat.

Ketika ini, Kerajaan India

menguatkuasa larangan eksport beras bukan basmati berikutan penurunan hasil padi di India akibat perubahan cuaca yang menyaksikan kemarau panjang pada tahun ini.

Langkah itu diambil bagi memastikan bekalan makanan terutamanya beras mencukupi untuk rakyat mereka.

Perubahan cuaca sedikit sebanyak merencatkan penghasilan padi kerana ia mengganggu bekalan air kepada padi yang ditanam terutamanya di kawasan tanah pamah.

Daripada segi dagangan, beberapa isu utama yang dikenalpasti dalam sektor pertanian padi ini adalah saingan harga padi dan beras di pasaran dunia.

Selain itu, saingan daripada sektor ekonomi pertanian dan perladangan lain seperti kelapa sawit yang lebih memberi pulangan tinggi juga menjadi ancaman kepada industri pertanian padi.

Masalah kesuburan tanah juga satu isu dalam penanaman padi kerana tanah yang kurang subur oleh menyebabkan penghasilan padi terbantut.

Semua pihak termasuk kerajaan, swasta, institusi penyelidikan dan orang ramai perlu bersama mengembleng idea dan merealisasikan cakna keterjaminan makanan negara kita tercapai.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan Tanah Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bernama

Muar

Seawal jam 6 pagi, Muhammad Nashrul Nizam Abdul Rani, 22, sudah berada di jeti Kampung Pangkalan Tiram untuk meninjau keadaan air Sungai Muar sebelum memulakan rutin hariannya sebagai penyelam tiram.

Dengan hanya berkemeja T dan berseluar trek panjang, dia dan beberapa penyelam lain mula bergerak ke beting panjang iaitu satu daripada lubuk tiram, yang hanya mengambil masa kurang lima minit dari jeti.

"Inilah rutin kami setiap hari sebagai penyelam tiram kerana masanya tidak tetap, bergantung keadaan air tenang (antara pasang dan surut) dan tidak mudah sebenarnya untuk memastikan tekanan air.

"Jika arus kuat, bahaya mencari tiram kerana kami mengutipnya dengan menyelam secara tradisional," katanya kepada Bernama.

Sumber ekonomi penduduk

Kegiatan mencari tiram secara tradisional tanpa menggunakan sebarang peralatan menyelam moden ini adalah sumber ekonomi penduduk kampung di sini, yang terletak kira-kira 1.5 kilometer (km) dari Bandar Maharani, diusahakan sejak lebih 100 tahun lalu sehingga ke hari ini.

Ramai yang menjadikan pekerjaan ini sebagai punca pendapatan berbanding nelayan laut kerana tiram Sungai Muar yang juga dikenali sebagai tiram putih atau tiram saintifiknya *Crassostrea (Magallana) Sapidii*, menjanjikan pendapatan lumayan kerana terkenal dengan kualiti tinggi selain rasanya yang enak.

Namun demikian, sejak kebelakangan ini, bilangan pencari tiram ini berkurangan kerana ramai yang sudah berusia dan tidak mampu lagi be-

TIRAM PUTIH MUAR SETANDING EROPAH

PENYELAM TIRAM KIAN LENYAP

kerja selain ada yang sudah meninggal dunia.

"Tidak mudah menjadi penyelam tiram kerana ia memerlukan banyak tenaga untuk bertahan mengutip tiram di dasar sungai dan keupayaan menahan nafas dalam air.

"Pekerjaan ini sangat berisiko dan hanya mereka yang betul-betul berjaya kental sahaja boleh mengharunginya.

"Sebab itu, tidak ramai anak muda yang berminat menceburi bidang pekerjaan ini dan jumlah penyelam tiram aktif pun tidak sampai 10 orang.

"Yang muda pun hanya beberapa orang sahaja termasuk saya. Sampai bila (bekerja sebagai penyelam tiram), saya pun tidak tahu tetapi akan cuba pertahankan legasi turun-temurun ini," tambahnya yang mula menjadi pencari tiram selepas tamat tingkatan lima.

Berkemungkinan lenyap?

Di sebalik berpengalaman enam tahun menjadi pencari tiram, Muhammad Nashrul Nizam masih bimbang setiap kali turun ke sungai untuk melakukan rutinnya itu.

Ini kerana, penyelam berisiko

ko lemas ketika mengutip tiram di dasar sungai yang sedalam enam hingga sembilan meter, sekiranya kayu bakau sepanjang 6.1 meter yang dipacak ke dalam dasar sungai di sebelah perahu mereka untuk berpaut, tumbang.

Teknik menggunakan kayu untuk berpaut ini diwarisi daripada nenek moyang sejak kurun ke-19, bagi mengelak mereka daripada dihanyutkan arus.

"Bukan semua penyelam tiram pandai berenang, begitu juga saya. Kerana itu, kaki kami akan berpaut pada kayu semasa turun ke dasar sungai sementara tangan akan mencari dan mengutip tiram untuk dipenuhkan ke dalam bakul basikal yang dipegang penyelam lain.

"Sebab itu, kami bimbang kalau arus air kuat kerana takut tidak dapat mengimbangi badan semasa berpaut pada kayu. Kami berisiko dihanyut arus selain terdedah dengan situasi hidu dan telinga berdarah akibat tekanan air kuat atau disengat ikan duri serta obor-obor," katanya.

Bekerja sepenuh masa sebagai penyelam tiram, dia sehingga ke hari ini masih belum dapat menguasai kemahiran menahan nafas untuk tempoh lebih lama, sekurang-kurangnya empat hingga enam minit, seperti mereka yang lebih berpengalaman.

Biasanya, dia hanya mampu bertahan antara satu hingga dua minit sahaja bagi setiap selaman dan perlu naik ke permukaan sungai un-

tuk menarik nafas sebelum menyelam semula.

Setiap kali pencarian yang memakan masa tiga hingga empat jam sehari, dia mampu mengutip tidak kurang daripada 90 biji tiram, yang akan dijual kepada peraih serta pemilik restoran sekitar daerah berkenaan pada harga RM2 setiap satu.

"Pelancong luar turut tertarik dengan kaedah tradisi mencari tiram di sini dan ini juga menjadi sumber pendapatan sampingan apabila kami turut membawa pelancong untuk melihat dan merasai sendiri pengalaman tersebut.

"Pekerjaan ini bagaimanapun kurang diminati oleh anak muda khususnya penduduk kampung di sini dan saya bimbang sekiranya tidak ada pelapis, pekerjaan mencari tiram itu akan lenyap suatu hari nanti," katanya.

Keistimewaan tiram Muar

Permintaan tinggi tiram putih Sungai Muar dalam kalangan penggemar tiram berbanding spesies *Crassostrea Belcheri* (tiram kapak) yang boleh juga dijumpai di sungai berkenaan adalah kerana keunikan rasanya yang boleh dimakan segar tanpa perahan lemon.

Malah, keistimewaan itu juga menjadikan tiram berkenaan dikatakan setaraf dengan tiram yang boleh ditemui di perairan Amerika Syarikat atau Eropah yang terkenal dengan tinggi kualitinya.

Selain itu, kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Queen's University Belfast, United Kingdom turut mengesahkan spesies tiram putih Sungai Muar tidak terdapat di mana-mana kawasan lain di dunia.

Hasil kajian itu serta perbandingan data yang dilakukan oleh penyelidik dengan koleksi tiram yang terdapat di muzium di Eropah dan spesies yang terdapat di Asia, mendapati tiada rekod DNA



"Tidak mudah menjadi penyelam tiram kerana ia memerlukan banyak tenaga untuk bertahan mengutip tiram di dasar sungai dan keupayaan menahan nafas dalam air"

yang sama dengan tiram putih di muara Sungai Muar.

Penemuan itu mengejutkan penyelidik, Dr Nur Lena Wong dari Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (IAQUAS), UPM dan Dr Julia Sigwart dari Queen's University Belfast kerana selepas lebih 160 tahun, tiram yang diketahui dan dituai secara komersial di muara Sungai Muar tidak mempunyai nama saintifik.

Walhal, spesies itu yang dikenali sebagai tiram putih dalam kalangan penduduk dan nelayan tempatan kerana isinya berwarna putih pernah dijadikan makanan istimewa untuk golongan diraja serta pegawai ting-

TEPAK ANASS tiram putih Sungai Muar yang boleh dimakan segar tanpa perahan lemon.





MUHAMMAD Nashrul menggunakan bakul basikal bagi memudahkannya mengambil hasil tiram dari dasar Sungai Muar.

gi sebelum kemudiannya diperluaskan ke pasaran Singapura apabila diekspor pada awal 1900.

Tiram ini dinamakan sebagai *Crassostrea* (Magallana) Saidi sebagai mengiktiraf usaha yang dilakukan oleh Md Saidi Mohamed yang giat mempromosikan penyelidikan dan pemuliharaan untuk kelestarian tiram ini sejak 2013.

"Tiram spesies ini dipercayai antara 10 jenis hidupan akuatik terbaik di dunia, malah tidak loya apa-

MUHAMMAD Nashrul Nizam mengahmiskan saiz tiram yang dikumpul oleh bapanya dari dasar Sungai Muar di Per meroka.

bila dimakan begitu sahaja tanpa perahan lemon seperti spesies lain dan kerana itu, ia digelar tiram premium.

"Malah, tiram ini menjadi rebutan penggemar tiram berbanding spesies lain apabila dihidangkan di hotel misalnya," kata seorang lagi penyelam tiram, Nasir Kassim yang melakukan pekerjaan itu sejak lebih dua dekad, sejak berusia 16 tahun.

Bapa kepada tiga orang anak ini turut mengakui kesukaran untuk mendapat pelapis dalam kalangan generasi muda bagi meneruskan aktiviti ekonomi warisan turun temurun ini.

Nasir yang bimbang dengan situasi berkenaan pernah cuba untuk menernak tiram itu di negeri lain tetapi tidak berjaya apabila daripada 10 benih tiram yang dibiarkannya, hanya dua sahaja yang mampu hidup.

Ini mungkin kerana plankton yang menjadi makanan utama tiram berkenaan tidak ada di sungai lain kecuali di Sungai Muar sahaja.

Selain itu, kajian Nur Leena dan Julia mendapati, tiram putih itu hanya hidup di muara Sungai Muar dengan kemasinan air lapan hingga 25 ppt (ukuran kemasinan) dan tidak boleh hidup di dalam air laut.

Hanya di Sungai Muar

Nasir berkata, beliau faham pekerjaan sebagai penyelam tiram tidak mudah, namun tetap menaruh harapan agar ada pelapis muda yang berminat meneruskan tradisi itu.

"Sayangnya apabila tidak ada pelapis sebab tempat lain memang tiram ini tidak boleh hidup, tidak dapat dikomersialkan sedangkan spesies ini memang menjadi rebutan kalangan penggemar tiram.

"Penyelam paling tua ketika ini berusia 70 tahun dan yang lain pun kebanyakannya berusia 50 ke atas.

"Saya faham pekerjaan ini bukanlah mudah kerana memerlukan banyak tenaga untuk bertaban mengutip tiram dalam dasar sungai yang berarus deras tetapi sesuatu perlu dilakukan supaya pekerjaan ini tidak lenyap, mungkin dengan adanya latihan berterusan, aspek keselamatan yang dititikberatkan dan pendekatan meluas mengenai pekerjaan ini," kata Nasir.

Seorang lagi penyelam tiram,



KAJIAN UPM dan Queen's University Belfast, United Kingdom mengesahkan spesies tiram putih Sungai Muar tidak terdapat di mana-mana kawasan lain di dunia.

Abdul Rani Bahari, 57, yang sudah menjadi penyelam tiram selama 17 tahun berpandangan, tidak semua mampu menjadi penyelam tiram kerana memerlukan kebolehan dan kemahiran selaman yang tinggi.

Tambahan, ada juga ibu bapa yang tidak menggalakkan anak mereka menceburi bidang berkenaan kerana risikonya yang tinggi dan ramai yang lebih berminat untuk bekerja di bandar berbanding di kampung.

"Kena ada tekad, kalau orang lain boleh, mengapa kita tidak boleh. Seorang anak saya (Muhammad Nashrul Nizam) bekerja dalam bidang ini.

"Tetapi, saya nasihat dia yang kerja ini bebas, boleh atur masa sendiri, tidak perlu bekerja dengan orang lain dan paling kurang pun hanya bekerja dua jam sehari, selepas itu dia bebas buat pekerjaan lain," kata Abdul Rani.

Mengakui kudratnya tidak sama lagi seperti dahulu, dia bekerja mencari tiram bersama anaknya dan menjadi lebih mudah apabila mereka dapat berkongsi tugas seperti memacak kayu, mengawal enjin, menyelam untuk mencari dan mengutip tiram sekali gus dapat mengurangkan risiko.

Impak perubahan iklim

Di sebalik kebimbangan penyelam tiram Sungai Muar untuk mencari pelapis, situasi perubahan iklim yang tidak menentu turut meringkaskan apabila pencarian rezeki utama mereka turut terjejas, khususnya ketika berlakunya banjir.

Mengimbau kembali banjir besar yang pernah menenggelamkan Segamat pada 2016, bencana itu, kata Abdul Syukur Bahrom, 57, turut memberi kesan kepada pencarian tiram di

Sungai Muar apabila hampir dua tahun mereka tidak dapat mengutip tiram kerana tidak berlakunya pembiakan hidupan tersebut.

"Masa banjir besar, 100 peratus tiram mati dan tiada pembiakan baharu disebabkan tidak ada benih. Kami langsung tidak dapat mencari tiram masa itu tetapi selepas dua tahun, hidupan akuatik itu kembali membiak.

"Bagaimanapun, awal tahun ini berlaku banjir besar di Muar dan dianggarkan lebih kurang 85 peratus tiram mati. Setiap kali berlaku banjir besar, sukarlah kami mencari tiram," katanya.

Banjir besar, menurutnya yang sudah melakukan pekerjaan itu lebih 10 tahun, menyebabkan berlakunya fenomena penerobosan air masin apabila air masin atau payau melepasi sempadan normal untuk air tawar.

Walhal hidupan terbahit memerlukan air sungai payau (*brackish water*) dan keadaan ini menyebabkan tiram mati atau isi tiram bertukar menjadi cecair, lut sinar

sekali gus menandakannya tidak lagi segar.

"Apabila banjir, populasi tiram menurun dan jumlah tiram yang diperolehi turut terkesan. Jika bukan musim banjir, ribuan tiram boleh dipungut dalam sehari. Antara lain kerana proses sedimentasi atau pemendapan yang turut menyebabkan tiram mati," katanya.

Keadaan itu menyebabkan pasukan penyelidik I-AQUAS sedang berusaha untuk meningkatkan populasi tiram melalui pendekatan akuakultur.

Nur Leena antara penyelidik yang terbahit dipetik berkata, fokus penyelidikan mereka ketika ini adalah kepada pembenihan tiram tersebut melalui pendekatan akuakultur untuk memperbanyakkannya.

Kajian itu juga dilakukan untuk mengenal pasti kualiti air dan kadar kemasinan air yang paling sesuai untuk pembiakan tiram putih atau premium berkenaan.

"Pemuliharaan populasi kecil tiram ini sangat penting dan amat diperlukan untuk memastikan kelestariannya," tambahnya.

MUHAMMAD Nashrul Nizam bersama bapanya, generasi pencari tiram yang masih kekal sehingga hari ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2023	HARIAN METRO	KUBELA	33

KUBELA PUAS BIAK BETTA LIAR

Penjagaan spesies liar lebih remeh dilihat sebagai 'medan ujian' peminat ikan laga

FOKUS

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my

Kepuasan Mohd Khamisan Ab Sahri Falaki, 38, sebagai peminat tegar Betta liar atau 'Wild betta' apabila ikan itu mampu beraksi termasuk 'mengembangkan' insang dalam pertandingan.

Kata Mohd Khamisan, dia yang bermula dengan spesies Betta modern atau ikan laga hibrid, tertarik memelihara spesies liar kerana sifat 'genuine' dan cabaran 'groom' ikan terbabit bagi pertandingan.

"Pemain ikan Betta, apabila sudah terjebak pelihara spesies liar, mereka sukar beralih pelihara spesies hibrid

kerana ciri-ciri liarnya lebih memikat selain rupa yang lebih eksotik.

"Penjagaan spesies liar yang lebih remeh dilihat sebagai 'medan ujian' peminat ikan. Begitu juga dengan saya, apabila berjaya biak spesies Wild betta tempatan, itu satu pencapaian yang membuatkan saya teruja dan puas.




MOHD Khamisan bersama koleksi ikan laga liar.

> 34

BETTA persephone hampir pupus hanya ada di Johor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/10/2023	HARIAN METRO	KUBELA	34



MOHD Khamisan (tengah), Zulkifli (kan) dan Zarick berusaha meningkatkan koleksi ikan laga liar.



SUASANA pertandingan ikan Betta liar.

FOTO: HAZREEN BAHAMAD

Sebelum ini, koleksi ikan Betta liar dalam simpanan lebih banyak sehingga banjir besar pada penghujung 2021, ikan peliharaan habis dihanutkan

MOHD KHAMISAN

DARI MUKA 33

"Kemudian saya cabar diri lagi dengan menyertai pertandingan pula. Di sini kredibiliti saya sebagai pemilik dan pembiak baka Betta liar dinilai," katanya. Mohd Khamisan berkata, penyeriaannya dalam pertandingan bukan untuk mengejar hadiah. Ini kerana dia lebih tertarik menaikkan reputasi terutama namanya dikenali dalam kalangan pemain ikan Betta liar tempatan.

Ketika ini Mohd Khamisan atau lebih mesra disapa Misi, berhasil memiliki atau membiak kira-kira 12 spesies meliputi spesies dari air jeram, paya atau air hitam (air tanah gambut).

SIMPAN 12 SPESIES

Mohd Khamisan terpaksa kumpul semula ikan Betta liar tempatan selepas dihanutkan bah

"Sebelum ini, koleksi ikan Betta liar dalam simpanan lebih banyak sehingga banjir besar pada penghujung 2021, ikan peliharaan habis dihanutkan.

"Sejak itu saya terpaksa mengumpul semula spesies ikan Betta liar tempatan. Sehingga kini saya menyimpan 12 spesies sahaja iaitu Betta persephone, Betta livida, Betta uberis, Betta enisae, Betta pugnax, Betta imbellis, Betta brownorum, Betta rutlans, Betta coccina, Betta hendra, Betta smaragdina dan Betta mahachainesis," katanya di rumah yang turut menjadi tempat pembiakan ikan berkenaan.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pencinta Ikan Laga Liar Malaysia (WBLM) Ir Zulkifli Mohd Salleh berkata, ikan laga liar bukan sahaja penting sebagai hobi. Ia juga 'penanda aras' penting dalam ekosistem air yang mana beberapa spesies liar tempatan yang dilabelkan sebagai spesies terancam oleh IUCN (The International Union for Conservation of Nature). Ini juga menunjukkan alam semula jadi terutama kawasan habitat spesies ikan laga liar di negara ini terjejas.

"Seramai 19,000 peminat ikan yang berdaftar di FB (Facebook) persatuan tidak hanya pemilik ikan laga liar, sebaliknya ia juga disertai

aktivis, pengusaha makanan ikan dan penyelidik yang bersama-sama dengan persatuan.

"Misi persatuan yang begitu terinspirasi dengan kecantikan dan keunikan spesies ikan laga liar ini juga mengambil langkah setapak dengan pembabitian usaha memulihara spesies ikan laga liar tempatan yang terancam.

"Ikan laga liar adalah sebanyak 29 spesies di Malaysia dan 13 daripada itu adalah endemik (hanya ada di Malaysia).

"Contohnya Betta persephone adalah spesies endemik yang hanya ada di Johor dilihat perlu ada usaha untuk membiaknya bagi kelangsungan spesies.

"Begitu juga spesies Betta livida Sepang ditemui di Selangor dan Betta livida Tanjung Malim yang juga semakin berkurangan kerana habitat ikan ini terancam," katanya.

Justeru, pihaknya komited melaksanakan pelbagai aktiviti baik di peringkat mendidik masyarakat umum sehingga terlibat dengan usaha agensi dan penyelidik tempatan.

"Kami Persatuan Pencinta Ikan Laga Liar Malaysia (WBLM) adalah persatuan pertama yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) yang

mengambil langkah serius terhadap usaha mengembangkan industri ikan laga liar.

"Bukan hanya biak ikan supaya populasi berkembang, kami juga mengambil inisiatif lebih ekstrem apabila menganjurkan pertandingan dan menerbitkan buku, Malaysia Wild betta standard dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Ini bertujuan menyeragamkan penilaian ikan Betta liar.

"Kami menetapkan aras tinggi dalam penganjuran pertandingan yang mana standard diguna pakai juga tertinggi, juga gus mengangkat ikan tempatan menjadi antara ikan hiasan berkelas dunia," katanya.

Buktinya dalam pertandingan baru-baru ini WBLM International Wild Betta Championship 2023 dalam Aqua Fair 2023 di Kuala Lumpur menarik 269 penyertaan dengan 75 peratus adalah peserta dari luar negara.

"Saya bersama jawatan kuasa memandang lebih jauh, baka ikan laga liar yang dulunya permainan anak kampung boleh menjadi ikan hiasan bernilai premium untuk dieksport.

"Ini bukan sahaja dapat membantu pembiak baka tempatan untuk menjana pendapatan, malah kelangsungan spesies dapat terus dipelihara," katanya yang turut hadir bersama ahli jawatan kuasa WBLM, Zarick Zainon di pusat ternakan Ikan Betta milik Mohd Khamisan.



BAKA betta brownorum unik.



BAKA Betta persephone.

Anda mempunyai pengalaman koleksi gambar menarik bersama haiwan atau haiwan peliharaan boleh dikongsi dengan menghantar e-mel ke kerencana@metro.com.my

Empat kawasan industri baharu pacu ekonomi Perak

Projek dijangka tarik pelaburan RM32b tempoh 10 tahun, wujudkan beribu peluang pekerjaan

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Inisiatif utama pembangunan Lembah Berteknologi Tinggi Automotif (AHTV) yang berpusat di Tanjung Malim berpotensi menggiatkan semula industri automotif negara, kata Datuk Seri Saarani Mohamad.

Menteri Besar Perak berkata, misi promosi pelaburan negara ke Shanghai, Hangzhou, Nanjing dan Guangzhou di China yang berlangsung dari 15 hingga 21 Oktober lalu, berjaya menarik potensi pelaburan ke Perak.

Katanya, projek itu bukan sahaja dijangka menarik pelaburan bernilai RM32 bilion dalam tempoh 10 tahun lagi, tetapi juga mewujudkan beribu peluang pekerjaan dan meletakkan Malaysia menjadi peneraju serantau dalam pengeluaran kenderaan generasi akan datang.

"Malah, Perak akan memperoleh manfaat secara langsung hasil penubuhan Hab Perindustrian Berteknologi Tinggi baharu di Kerian yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2024 pada 13 Oktober lalu.

"Dengan adanya hab itu, ia dijangka menyokong pembangunan projek berteknologi tinggi di Perak dan seterusnya memacu perniagaan dengan persekitaran kondusif untuk pelabur dan disasarkan kepada sektor khusus," katanya pada majlis 'MIDA Invest Series-Perak: Unfolding its Business Potentials' yang berlangsung di Perdana Hall, MIDA Sentral di sini, baru-baru ini.

Saarani berkata, Perak komited menggalakkan pelaburan ke negeri itu dengan bersedia dan mampu mempertingkatkan intensif munasabah serta menghapuskan halangan untuk memudahkannya pelabur.

"Ini selari dengan objektif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang komited mempromosikan projek berimpak tinggi di Perak kepada bakal pelabur dan programnya itu menarik minat lebih 250 peserta.

"Program itu memabitkan



Saarani bergambar bersama delegasi dari Negeri Perak.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

kerjasama kerajaan Perak dan ia satu inisiatif penting dalam usaha kerajaan menawarkan peluang pelaburan yang menarik di negeri ini.

"Selain itu, ia sebagai inisiatif penting yang menandakan usaha berterusan kerajaan mempromosikan peluang pelaburan menarik di Perak," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Wira Arham Abdul Rahman, berkata Perak adalah wilayah yang amat berpotensi, selain mencatatkan pencapaian membanggakan dalam sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan.

"Hab seperti AHTV dan Lumut Maritime Industrial City (LUMIC) memacu pelaburan dan penciptaan peluang pekerjaan, sekali gus mencerminkan komitmen kita untuk berdaya maju," katanya.

Beliau berkata, Malaysia memperoleh pelaburan RMI32.6 bilion yang diluluskan merentasi sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor utama bagi tempoh separuh pertama tahun ini.

"Sehingga 30 Jun lalu, Perak memperoleh pelaburan lebih RM22.3 bilion yang direalisasikan daripada 283 projek pembuatan, mewujudkan lebih 22,000 pekerjaan.

"Sebagai contoh, Toyo Tyre Malaysia, Coherent Malaysia, Murata Electronics dan Hume Cement adalah antara syarikat yang terkenal di Perak," katanya.

Dalam pada itu, empat taman perindustrian baharu diketengahkan di Perak melalui program MIDA Invest Series, iaitu projek Taman Bersepadu Ipoh Raya; Taman Bersepadu Generasi Baharu akan dibangunkan Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) menerusi MRCB Land. Ia wujud sebagai projek ber-



Arham menyampaikan cenderahati kepada Saarani sempena MIDA INVEST SERIES : Perak Unfolding State's Business Potential.

sepadu sehenti yang ditetapkan memenuhi keperluan syarikat multinasional yang mahukan pembangunan di lokasi strategik, mampan dan dibina mengikut kesesuaian melalui penyelesaian, penciptaan persekitaran tempat kerja yang kondusif, penyelesaian inovatif dan reka bentuk yang mampan.

Wujudkan ekosistem holistik
Perbadanan Pembangunan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) pula menerajui Teknologi Lembah Perak yang mewujudkan ekosistem holistik untuk infrastruktur, ketersambungan digital, telekomunikasi, penyelesaian hijau, perumahan dan pembangunan hartanah industri serta logistik pelabuhan.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Perak (SADC Perak) pula mempelawa pelabur untuk memanfaatkan projek Taman Perindustrian Halal Perak (HIP) dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM1 bilion untuk

lima tahun akan datang.

Ia terletak berhampiran Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dan pelabuhan utama seperti Pelabuhan Klang, Pelabuhan Lumut dan Pelabuhan Pulau Pinang, Taman Perindustrian Halal Perak, lokasi strategik yang memberi kelebihan dalam aspek logistik.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SADC Perak, Yahanis Yahya, berkata projek itu akan menjana lebih 300 hingga 500 peluang pekerjaan untuk penduduk dan peluang kepada kontraktor Bumiputera.

"Kami sedang mencari penggiat atau pemain industri dan usahawan yang terbahit dalam industri daging dan makanan; pemprosesan makanan; logistik, agroteknologi, usahawan makanan dan minuman; usahawan runcit; penyelidik, pekerja berpengetahuan, pembekal ekosistem dan lain-lain untuk memanfaatkan peluang ini.

"Mallamat utama pembangunan Perak HIP adalah untuk me-

ingkatkan pengeluaran daging halal di Malaysia, mengukuhkan rantaian bekalan yang mampan dan berasaskan integriti, dan meluaskan jangkauan pasaran global produk halal Perak.

"Dengan pendekatan bersepadu ini, Perak berupaya memenuhi permintaan yang semakin meningkat di dalam negara dan pasaran antarabangsa," katanya.

Katanya, pembangunan Perak HIP akan memabitkan kawasan seluas 43.127 hektar, yang bukan saja menjadi hab ekonomi baharu bagi Perak, tetapi juga platform kepada usahawan dan pemilik perniagaan halal untuk membawa produk mereka ke pasaran global.

"Fasa pertama pembangunan infrastruktur HIP Perak dijangka siap tahun depan dengan kos RM100 juta dan dijangka beroperasi penuh menjelang 2025.

"Melalui pembangunan itu, ia dijangka meningkatkan tahap sara diri daging, yang kini berada pada 14.7 peratus," katanya.